

(3)

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

362

PERMOHONAN JENAYAH NO. 44 - 18 - TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan
oleh Hishamuddin bin Rais untuk
arahan dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2)
5 (3) dan 149, Perlembagaan
Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta
Keselamatan Dalam Negeri, 1960
(Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1)
Kanun Prosedur Jenayah
[FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

AFIDAVIT

363

Saya, Jalaluddin Bin Ab Manaf (No. K.P. 360217-05-5053) seorang warganegara Malaysia yang beralamat di Lot 11, Jalan Pantai Baru, 59200 Kuala Lumpur yang cukup umur, dengan sesungghnya berikrar dan menyatakan seperti berikut :-

1. Saya adalah bapa saudara kepada Pemohon yang dinamakan di atas.
2. Saya mempunyai pengetahuan berkenaan fakta-fakta dan keadaan-keadaan berhubung dengan perkara ini kecuali di mana dinyatakan sebaliknya.
3. Responden adalah Ketua Polis Negara, Malaysia.
4. Saya telah membaca di surat khabar-surat khabar bertarikh 11hb April 2001 bahawa anak saudara saya Hishamuddin bin Rais telah ditangkap oleh pengkhidmat Responden di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri. Ini telah disahkan oleh kenyataan akhbar oleh Responden yang dibuat pada hari Rabu, 11hb April 2001.
5. Saya membuat afidavit ini bagi pihak Pemohon kerana beliau adalah dalam tahanan dan tidak dapat mengikrar dan memfailkan afidavitnya sendiri.
6. Saya tidak mengetahui tempat di mana Pemohon ditahan.
7. Saya diberitahu oleh keluarga tahanan lain, khususnya isteri Ezam Mohd. Noor iaitu Puan Bahirah Tajul Aris, dan juga isteri Saari bin Sungib, Puan Aliza Jaffar, yang telah pergi ke Bukit Aman pada pagi hari Rabu 11hb April 2001 bahawa mereka telah membuat pertanyaan tentang kepada wakil Responden DSP Joon

tentang tempat tahanan untuk ahli keluarga mereka yang telah ditangkap namun tidak diberitahu tempat tahanan tersebut.

364

8. Saya juga diberitahu oleh isteri Ezam Mohd. Noor iaitu Puan Bahirah Tajul Aris, dan juga isteri Saari bin Sungib, Puan Aliza Jaffar, yang telah pergi ke Bukit Aman pada pagi hari Rabu 11hb April 2001 bahawa mereka telah membuat permintaan kepada wakil Responden DSP Joon supaya diberi peluang berjumpa dengan orang tahanan untuk memastikan keselamatan mereka dan juga supaya orang tahanan diberi peluang untuk berjumpa dengan peguam mereka. Saya diberitahu oleh mereka bahawa jawapan daripada wakil Responden adalah bahawa semua orang tahanan tidak akan dibenarkan berjumpa dengan peguam dan bahawa lawatan oleh keluarga tidak akan dibenarkan buat masa sekarang.
9. Saya telah arahkan peguamcara Tetuan Daim & Gamany untuk menulis kepada Responden untuk meminta berjumpa dengan Pemohon. Sesalinan benar surat tersebut bertarikh 12.4.2001 sekarang ditunjuk kepada saya dan bertanda "JAM-1".
Sehingga sekarang, tidak ada sebarang jawapan daripada pihak Responden.
10. Saya telah mendapat maklumat daripada lapuran-lapuran yang dibuat oleh pertubuhan hak-asasi tentang keadaan di dalam tahanan seperti berikut:-
 - a. tahanan ISA ditahan dalam bilik-bilik asingan (solitary confinement) dan tidak dibenarkan berhubung dengan orang lain kecuali pegawai polis;
 - b. hak untuk berhubung dengan peguam dan keluarga, dan untuk menerima bahan membaca, yang diberikan dibawah Kaedah-Kaedah Lokap L.N.328/1958 tidak dipatuhi;
 - c. orang tahanan disoalsiasat dalam keadaan yang menindas (oppressive) untuk masa yang terlalu panjang dan berterusan;

- d. orang tahanan diseksa secara mental dan fizikal dalam proses soal-siasat.

365

Ekoran dari maklumat ini, saya bimbang tentang keselamatan Pemohon dan percaya dengan sesungguhnya bahawa lawatan oleh keluarga dan peguam kepada Pemohon adalah perlu untuk memastikan bahawa beliau adalah dalam keadaan selamat.

11. Saya diberi sesalinan kenyataan akhbar bertarikh 11 April 2001 bertajuk "Kenyataan Akhbar Mengenai Penangkapan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960" yang dikeluarkan oleh Responden kononnya sebagai alasan untuk tangkapan dan tahanan Pemohon dan enam orang lain. Sesalinan benar kenyataan akhbar tersebut ditunjuk kepada saya bertanda "JAM-2".
12. Kenyataan akhbar itu menuduh bahawa Pemohon terlibat dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara dan telah bertindak secara militan dengan mengambil pendekatan seperti berikut:-
 - a. telah melaksanakan langkah-langkah tertentu untuk mendapatkan bahan letupan termasuk bom dan "grenade launcher";
 - b. menggunakan 'Molotov cocktail ', 'ball bearing' serta berbagai-bagai senjata berbahaya untuk menyerang pihak keselamatan bagi menimbulkan keadaan huru hara semasa demonstrasi jalanan disekitar Kuala Lumpur pada bulan OKT 1998; dan
 - c. mendapatkan bantuan dan sokongan guru-guru silat serta mempengaruhi sebilangan bekas pegawai dan anggota keselamatan serta menyertai gerakan mereka.

Kenyataan akhbar juga menuduh bahawa Pemohon telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mewujudkan ketegangan kaum melalui isu keagamaan dan perkauman

13. Saya berkata bahawa semua pengataan-pengataan ini dan tuduhan-tuduhan lain dalam Eksibit " JAM-2" adalah tidak benar dan adalah pembohongan yang dibuat oleh pihak Responden dengan niat mala fide yang bermotif politik. Pendirian saya disokong oleh kenyataan akhbar oleh Presiden Parti Rakyat Malaysia Dr. Syed Husin Ali bertarikh 11 April 2001 bertajuk " Police tell lies to save Prime Minister". Sesalinan benar kenyataan akhbar tersebut ditunjuk kepada saya bertanda " JAM-3".
14. Di dalam kenyataan akhbar oleh pihak Responden, juga disebut bahawa Pemohon telah merancang perhimpunan haram yang militan pada 14 April 2001. Ini juga ada satu pembohongan. Saya telah diberi surat-suratan di antara Jawatankuasa Memorandum Rakyat 14 April dan pihak SUHAKAM (Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia) di mana adalah jelas bahawa perhimpunan itu bertujuan untuk menghantar satu memorandum kepada SUHAKAM. Jawatankuasa itu telah secara telus dan bersopan telah mengaturkan satu appointment dengan SUHAKAM untuk penyerahan itu. Sesalinan benar surat-suratan ini bertarikh 30 Mac dan 11 April ditunjuk kepada saya bertanda "JAM-4"
15. Pihak SUHAKAM telah juga mendesak bahawa semua tahanan termasuk Pemohon dibebaskan dengan serta merta tanpa syarat dan sekiranya disyakki melakukan apa-apa kesalahan undang-undang, dituduh di Mahkamah yang sesuai. Sesalinan surat dari SUHAKAM tersebut bertarikh 11.4.2001 ditunjukkan kepada saya bertanda "JAM-5".
16. Saya dinasihati oleh peguamcara saya dan Pemohon, Tetuan Daim dan Gamany, bahawa tangkapan Pemohon pada mulanya dan/atau penahanannya

kini dan berterusan adalah tidak sah dan salah di sisi undang-undang serta mala fide atas alas alasan yang berikut:-

367

- a. Pencabulan hak Pemohon di bawah Perkara 5(3) Perlembagaan Persekutuan iaitu keengganan Responden atau pengkhidmat Responden untuk membenarkan Pemohon berjumpa dengan peguam dan/atau ahli keluarga adalah berjumlah kepada penindasan dan penafian hak Pemohon untuk memastikan samada sebab-sebab penangkapan beliau telah dijelaskan dengan tepat semasa tangkapan dan/atau di dalam Perintah Tahanan, dan sekaligus menafikan hak beliau untuk mencabar késahihan tangkapan beliau.
 - b. Pencabulan hak Pemohon di bawah Perkara 5(2) Perlembagaan Persekutuan
 - c. Tangkapan dan penahanan Pemohon telah melanggar undang-undang, adalah tidak rasional (irrational), satu tindakan yang sewenang-wenang (arbitrary) dan tidak munasabah (unreasonable);
 - e. Tangkapan dan penahanan Pemohon adalah mala fide dan bermotif politik.
16. Maka, saya dengan segala hormatnya memohon suatu perintah saperti yang dipohon di dalam perenggan 1 dalam notis usul atau apa-apa perintah lain atau selanjutnya yang difikir patut dan wajar oleh Mahkamah yang Mulia ini.

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

368

Dalam perkara satu permohonan
oleh Hishamuddin bin Rais untuk
arahan dalam hal Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2)
, 5 (3) dan 149, Perlembagaan
Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta
Keselamatan Dalam Negeri , 1960 (
Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1)
Kanun Prosedur Jenayah
[FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON

DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

JURAT


369

Berkenaan dengan afidavit oleh)
)
 Deponen bermama Jalaluddin)
 Bin Ab. Manaf)
 Diikrarkan pada haribulan)
)
 12 APR 2001 , 2001 di)
)

Kuala Lumpur (terjemahan tidak)
 diperlukan)
)

Di hadapan

Pesuruhjaya Sumpah



Tkt. 3, Wisma Tek Lee
 No. 38, Jln Tun Perak
 50050 Kuala Lumpur

AFIDAVIT ini difaillkan oleh Tetuan Daim & Gamany, Peguamcara bagi pihak Pemohon yang mempunyai alamat untuk penyampaian di Tingkat 9, Wisma Yakin, Jalan Masjid India, 50100 Kuala Lumpur. Tel No: 03-26984952/Faks : 03-26984953

Ref: SR/L.7140/01

EKSHIBIT "JAM - 1", 370

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal
Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5 (3) dan
149, Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan
Dalam Negeri , 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekshibit berikut bertanda " JAM - 1 " yang dirujuk dalam Afidavit Jalaluddin Bin Manaf telah diikrarkan di hadapan saya pada 12 haribulan April 2001.



Tkt, 3, Wisma Tek Lee
No. 38, Jln Tun Perak
50000 Kuala Lumpur

DAIM & GAMANY

Advocates & Solicitors

Peguambela & Peguamcara

9th Flth Wisma Yakin
Jalan 1 Jid India,
50100 Kuala Lumpur.
Tel : 26984932
Fax : 26984953
E-mail : gamany@tm.net.my

S. Thaivasigamany
Sivarasa Rasiah
Kamarul Hisham

Anni Santhiago
M. Moganambal
Balakisnan, A

Middle Temple
B.A. (Hons.) Oxon., Middle Temple
LL.B. (Hons.) Newcastle
LL.M. (London) Gray's Inn
LL.B. (Hons.) London, C.P.L.P.
LL.B. (Hons.) Wolverhampton, C.L.P.
LL.B. (Qld) Australia

SYARIKAT DITUTUP PADA HARI SABTU

Please quote our reference when replying.

Our Ref : SR/L.7140/01

12 April 2001

Yang Berbahagia Tan Sri Norian Mai
Ketua Polis Negara
Ibupejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

DENGAN TANGAN/FAKS
03-26980503

Yang Berbahagia Tan Sri,

PER: PENAHANDAN HISHAMUDIN RAIS DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960

Kami bertindak bagi pihak Encik Jalaluddin bin Manaf yang beralamat di No. Lot 11 Restoran Amjal Jalan Pantai Baru, 59000 Kuala Lumpur.

Kami diarahkan oleh anakguam kami bahawa anak saudaranya Encik Hishamudin Rais telah ditangkap di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri 1960 pada 10hb April 2001.

Kami memohon supaya Yang Berbahagia Tan Sri dapat membenarkan anakguam kami untuk melawat anak saudaranya dan juga peguam dari firma kami diberi peluang untuk berjumpa dengan anakguam kami, Encik Hishamudin Rais.

Kami juga memohon diberitahu nama Pegawai Penyiasat yang mengendalikan kes anakguam kami.

Kami berharap Yang Berbahagia Tan Sri dapat membantu kami dan memberi kami kerjasama yang sewajarnya kepada kami dan anakguam kami dalam perkara ini.

Kerjasama Yang Berbahagia Tan Sri dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar
Tetuan Daim & Gamany

M. Moganambal

s.k. Anakguam

Ini ialah ekshibit bertanda "JM-1"
yang dirujuk dalam Midavit
oleh Jalaluddin Bin Manaf
yang telah dilirik dihadapan
saya pada 12 hb April 01

DAIM & GAMANY

Advocates & Solicitors
Peguambela & Peguamcara

9th Floor ma Yakin
Jalan Masjid India,
50100 Kuala Lumpur.
Tel : 26984932
Fax : 26984953
E-mail : gamany@tm.net.my

S. Thaivasigamany
Sivarasa Rasiah
Kamarul Hisham

Anni Santhiago
M. Moganambal
Balakisnan, A

Middle Temple
B. A. (Hons.) Oxon., Middle Temple
LL.B. (Hons) Newcastle
LL.M. (London) Gray's Inn

LL.B. (Hons.) London, C. 1972
LL.B. (Hons.) Wolverhampton, C.L.P
LL.B. (Qld) Australia

SYARIKAT DITUTUP PADA HARI SABTU

Please quote our reference when replying.

Our Ref : SR/L.7140/01

12 April 2001

Pengarah Cawangan Khas
Ibupejabat Polis DiRaja Malaysia
Bukit Aman
50560 Kuala Lumpur

DENGAN TANGAN/FAKS
03-26980503

Tuan,

PER: PENAHANAN HISHAMUDDIN BIN RAIS DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI 1960

Kami merujuk kepada perkara di atas dan surat kami bertarikh 12hb April 2001 kepada Ketua Polis Negara di mana kami bertindak bagi Encik Jalaluddin bin Manaf yang beralamat di No. Lot 11 Restoran Amjal Jalan Pantai Baru, 59000 Kuala Lumpur.

Kami memohon supaya Encik Jalaluddin bin Manaf bapa saudara dibenarkan berjumpa dengan anak saudara beliau, Encik Hishamuddin Bin Rais secepat mungkin.

Kami berharap pihak tuan dapat juga membenarkan peguam dari firma kami berjumpa dengan Encik Hishamuddin Bin Rais.

Kerjasama pihak tuan dalam perkara ini didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian, terima kasih.

Yang benar
Tetuan Daim & Gamany



M. Moganambal

sk. Anakguam

EKSHIBIT "JAM - 2"

373

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal
Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2) , 5 (3) dan
149, Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan
Dalam Negeri , 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekhibit berikut bertanda " JAM - 2 "
yang dirujuk dalam Afidavit Jalaluddin Bin Manaf telah diikrarkan di hadapan
saya pada 12 haribulan April 2001.



Tkt. 3, Wisma Tek Lee
No. 38, Jln Tun Perak

JM - 2

Ini ialah ekhibit beranda yang dirujuk dalam Sidawit oleh Zaleha Idris Bin Manaf yang telah dikenar dihadapan saya pada 12hb April 2001

KENYATAAN AKHRAR MENGENAI PENANGKAPAN DI BAWAH AKTA KESELAMATAN DALAM NEGERI (AKDN) 1960

Pada 10 dan 11 APR 2001 pihak polis telah menangkap dan menahan 7 orang aktivis reformasi di bawah Sek. 73(1) Akta Keselamatan Dalam Negeri (AKDN) 1960. Mereka yang ditangkap dan diwajah adalah :-

- 1.1. MOHAMAD EZAM bin MOHD NOR - 34 tahun; ✓
- 1.2. CHUA TIAN CHANG - 37 tahun; ✓
- 1.3. NISAMUDDIN bin MD RAIS atau HISHAMUDDIN RAIS - 50 tahun; ✓
- 1.4. SAARI bin SUNGIB - 43 tahun;
- 1.5. GOBALAKRISHNAN A/L NAGAPAN - 41 tahun;
- 1.6. RAJA PETRA RAJA KAMARUDIN - 49 tahun; dan
- 1.7. ABDUL GHANI bin HAROON - 36 tahun

2. Tangkapan dan penahanan ini dilakukan kerana terdapat maklumat-maklumat mengenai penglibatan mereka dalam kegiatan yang boleh memudaratkan keselamatan negara.

Pihak polis perlu menjalankan siasatan yang rapi di atas maklumat-maklumat tersebut. Kegiatan reformasi yang bermula pada bulan SEP 98 merancang untuk menggulingkan kerajaan melalui demonstrasi jalan-jalan secara besar-besaran dan bersiap-sedia untuk bertindak secara militan dengan mengambil beberapa pendekatan seperti berikut:-

- 2.1. Telah 'melaksanakan' langkah-langkah tertentu untuk mendapatkan 'bahan' letupan termasuk bom dan 'grenade launcher';
- 2.2. Menggunakan 'molotov cocktail', 'ball bearing' serta berbagai-bagai senjata berbahaya untuk menyerang pihak keselamatan bagi menimbulkan keadaan

haru hara semasa demonstrasi jalan di sekitar KUALA LUMPUR pada bulan OKT 1998; dan

2.3. Mendapatkan bantuan dan sokongan guru-guru siber serta mengingarohi sebilangan bekas pegawai dan anggota keselamatan supaya menyertai gerakan mereka.

3. Bagi membenarkan trend militan gerakan reformasi tersebut maka pihak polis telah mengambil tindakan ke atas 28 orang aktivis reformasi di bawah Sek. 73(1) AKDN 1960 antara 20 SEP 98 hingga 24 DIS 98. Tindakan-tindakan pihak polis tersebut telah dapat mendukung keadaan krisis sepanjang waktu.

4. Pada pertengahan tahun 1999, aktiviti gerakan reformasi muncul kembali dengan berselindung di sebalik platform sebuah parti politik di mana sebilangan daripada mereka telah menjalankan kegiatan-kegiatan yang boleh mewujudkan ketegangan kaum melalui isu-isu keagamaan dan perkauman. Ini termasuk peryebaran berita-berita palsu yang menggemparkan seperti dakwaan bahawa ramai orang Melayu telah dikristiankan semasa Pilihanraya Kecil Lunas. Ciri-ciri militan semasa Pilihanraya Kecil ini telah juga dilakukan oleh aktivis reformasi melalui perbuatan ganas dengan mengancam, mengugut dan menakut-nakutkan para pengundi serta orang ramai.

5. Pada akhir tahun 2000 aktivis reformasi telah membuat ketetapan untuk menggunakan dua pendekatan berikut bagi mencapai matlamat mereka :-

5.1. Aktif terus mobilisation diri dalam proses demokrasi yang normal serta sistem pilihanraya ; dan

5.2. Melalui cara-cara di luar perlembagaan dengan mencetuskan demonstrasi jalan secara besar-besaran dan bercorak militan menjelang Pilihanraya Umum 2004.

6. Ke arah memfasilitasikan perancangan tersebut, seru kumpulan sulit yang dianggotai oleh lebih kurang 20 orang aktivis reformasi telah diwujudkan di KUALA LUMPUR. Sejak 6 JAN 2001 hingga 4 APR 2001, sebanyak 12 perjumpaan sulit telah diadakan oleh kumpulan ini bagi merancang untuk mempengaruhi rakyat membudayakan demonstrasi jalan dan perhimpunan besar secara militan. Antara perancangan terpenting peran reformasi dalam masa yang terdekat ini adalah untuk mengajukan demonstrasi jalan yang dipanggil "Block 14" secara besar-besaran di KUALA LUMPUR pada 14 APR 2001. Bagi mengelukuk pihak keselarasan, perhimpunan tersebut dipanggil 'Perhimpunan Penyerahan Memorandum Rakyat Mengenai Hak Asasi Manusia' di mana mereka merancang untuk mengumpulkan seramai lebih kurang 50,000 orang yang akan berhimpun di sekitar Knala Lumpur. Perhimpunan serta peranakan ini berpotensi menjadi rusuhan.

7. Adalah jelas aktivis reformasi sanggup melakukannya kegiatan-kegiatan di luar perlembagaan dan undang-undang demi mencapai maklumat mereka. Oleh itu tindakan di bawah Sek. 73(1) AKDN 1960 diambil kerana pihak Polis mempercayai ada alasan-alasan untuk menahan mereka di bawah Sek. 8 AKDN 1960 kerana telah bertindak dengan cara yang memudaratkan keselamatan negara.

Tarikh: 11 APR 2001

EKSHIBIT "JAM - 3" 377

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal
Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2) , 5 (3) dan
149, Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan
Dalam Negeri , 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekshibit berikut bertanda " JAM - 3 " yang dirujuk dalam Afidavit Jalaluddin Bin Manaf telah diikrarkan di hadapan saya pada 12 haribulan April 2001.



Tkt, 3, Wisma Tek Lee
No. 38, Jln Tun Perak
50050 Kuala Lumpur



KENYATAAN AKHBAR PARTI RAKYAT MALAYSIA (PRM)

No: 42 Jalan Masjid (3/69), 46000 Petaling Jaya

Tel: 77818704 Fax/Tel: 77812151

POLICE TELL LIES TO SAVE PRIME MINISTER

The press statement read by the IGP, Tan Seri Norian Mai, this afternoon contains the most ridiculous and irresponsible allegations against the seven keADILan leaders and reformist activists who have been detained by the police since yesterday evening under the draconian ISA. I have read the full statement. Apparently Norian Mai thinks that he can get away with murder, because he knows that under the ISA the detainees will not be brought to court to defend themselves.

Norian Mai names the seven who have been detained. In the ridiculous and irresponsible statement that he read, he clearly implied that the seven detained were involved in attempts to get explosives, including bombs and grenade launchers, planning to use molotov cocktails, and trying to get help and support from "silat" leaders and sections of the armed forces.

Norian Mai and the police force should admit, if they are sincere and professional enough, that the "reformasi" gatherings have always been peaceful. The general public, especially those who have been able to witness these gatherings, know very well that they had often become out of hand when the police used physical force as well water canons on the peaceful assemblies. Without the police cruel actions, the assemblies have always ended peacefully.

At no time since the "reformasi" movement started in 1998 has the police been able to provide proof that genuine "reformists" who participated in the various peaceful assemblies resorted to using explosives and other dangerous weapons. No one has been arrested and charged for resorting to such acts. In all likelihood, agent provocateurs were used to discredit the "reformasi" movement in this way.

As for them trying to get help and support from the "silat" leaders, Norian Mai must be joking. Certainly he is fully aware that it was none other than the Prime Minister himself who, a few months back, met with leaders of different "silat" groups, some of whom were blatantly involved in the 13th May 1969 Incident. By the way, isn't the advisor of these "silat" groups a Vice-President of UMNO, the party Prime Minister Dr Mahathir leads?

The police force must be professional in carrying out its duties. The IGP must set an honourable example. He should not allow the police force to concoct far-fetched accusations in order to justify detaining people without trial under the draconian ISA. PRM is most concerned that this time, IGP Norian Mai seems to have allowed himself and the police force to do the bidding of the Prime Minister, who is obviously very concerned and worried about his own political survival.

Dr Syed Husin Ali
PRM President

11th April 2001

Ini ialah ekshibit bertanda "JM - 3"
yang diaruk dalam "Buletin"
oleh Jalaluddin bin Maruf
yang telah dilihat dihadapan
saya pada 12hb April 2001

EKSHIBIT "JAM - 4"

379

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal
Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2), 5 (3) dan
149, Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan
Dalam Negeri , 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekshibit berikut bertanda " JAM - 4 "
yang dirujuk dalam Afidavit Jalaluddin Bin Manaf telah diikrarkan di hadapan
saya pada 12 haribulan April 2001.



Tkt. 3, Wisma Tek Lee
No. 38, Jln Tun Perak
50050 Kuala Lumpur



JAWATANKUASA MEMORANDUM RAKYAT 14 APRIL

No. 42, Jalan 6, Taman Sri Ukay, 68000 Ampang, Selangor Darul Ehsan

Tan Sri Musa Hitam,
Pengerusi,
Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia,
Tingkat 29, Menara Tun Razak,
Jalan Raja Laut,
50350 Kuala Lumpur.

30 Mac 2001

Ini ialah ekhibit bertanda "JM - 4"
yang dirujuk dalam *Majlis Dewan*
oleh *Tan Sri Haji Bin Manaf*
yang telah diikrar dihadapan
saya pada *12/4/2001*

Tan Sri,

Assalamu'alaikum wrt. wbt.,

PER.: Pemakluman Penyerahan Memorandum Rakyat 14 April

Merujuk surat kami melalui e-mel pada 23 Mac 2001, dengan segala hormatnya, saya bagi pihak Jawatankuasa Memorandum Rakyat 14 April ingin memaklumkan bahawa satu delegasi akan menyerahkan memorandum rakyat kepada Tan Sri atau wakil Tan Sri di pejabat SUHAKAM pada pukul 11 pagi, hari Sabtu 14 April 2001.

Kami amat berbesar hati sekiranya Tan Sri sendiri dapat meluangkan masa dan menerima memorandum tersebut. Kesudian daripada pihak Tan Sri kami dahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian. Wassalam. "Pertahankan Hak Asasi"

Yang benar,

Hj. Saari Hj. Sungib,
Pengerusi,
Jawatankuasa Memorandum Rakyat 14 April

Ahli-ahli Jawatankuasa: Abdul Malek Hussin, Tian Chua, Hishamuddin Rais, Norazimah Mohd Nor, Nasir Md Isa, Azwandin Hamzah, Tan Soi Kow, Fadil Hj. Abu Bakar

Emel Pengerusi: [saauri_sungib@justice.com](mailto:sauri_sungib@justice.com)

Emel Sekretariat: Memo14April@justice.com

SUHAKAM

From: SUHAKAM
Sent: Wednesday, April 11, 2001 08:41
To: 'saari_sungib@justice.com'
Subject: Memorandum 14 April

381

Merujuk kepada E-Mail Saudara kepada SUHAKAM mengenai penyerahan Memorandum Rakyat 14 April, SUHAKAM bersetuju menerima Memorandum tersebut pada hari dan waktu yang Saudara telah cadangkan. Oleh kerana tempat yang terhad, maka pihak kami berharap deligasi yang akan naik menemui SUHAKAM terhad kepada 10 orang sahaja. Kami

juga berharap agar Saudara dapat mengawal penyokong-penyokong yang akan datang agar tiada masalah wujud di sekitar

Menara Tun Razak dan kawasan sekelilingnya.

Sekian, terima kasih.

Kamaruddin Mohammed Baria
10 April 2001



EKSHIBIT "JAM - 5"

382

DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI KUALA LUMPUR

PERMOHONAN JENAYAH NO.

TAHUN 2001

Dalam perkara satu permohonan oleh
Hishamuddin Bin Rais untuk arahan dalam hal
Habeas Corpus

DAN

Dalam perkara Fasal 5(1), 5(2) , 5 (3) dan
149, Perlembagaan Persekutuan

DAN

Di dalam perkara seksyen 73 Akta Keselamatan
Dalam Negeri , 1960 (Akta 82).

DAN

Di dalam perkara Seksyen 365(1) Kanun
Prosedur Jenayah [FMS Cap 6]

ANTARA

HISHAMUDDIN BIN RAIS

PEMOHON


DAN

KETUA POLIS NEGARA

RESPONDEN

SIJIL PERAKUAN EKSHIBIT

Saya dengan ini mengakui bahawa Ekshibit berikut bertanda " JAM - 5 "
yang dirujuk dalam Afidavit Jalaluddin Bin Manaf telah diikrarkan di hadapan
saya pada 12 haribulan April 2001.



Pesuruhjaya Sumpah

Tkt. 3, Wisma Tek Lee
No. 38, Jln Tun Perak
500050 Kuala Lumpur



SURUHANJAYA HAK ASASI MANUSIA MALAYSIA
HUMAN RIGHTS COMMISSION OF MALAYSIA

Ini laporan/Exhibit bertanda JM-5⁴
yang dicapai dalam M/2001
oleh Jalaludin bin Manaf
yang telah dikenar dihadap
saya pada 18 April 2001

383

For immediate release

PRESS STATEMENT ON ISA ARRESTS

SUHAKAM, at its special meeting today, expresses its concern over the arrest of seven persons under the Internal Security Act (ISA) as reported today.

Since its inception and its first meeting on the 24th April 2000, SUHAKAM has been encouraged by signals perceived by us to indicate that the Government is slowly but surely being sensitized to human rights issues and is taking concrete steps to ensure that its concern for human rights is translated into action. The formation of SUHAKAM itself is proof of this trend.

It is against this backdrop that SUHAKAM expresses its deep regrets on the use of the ISA to detain the seven political activists. Detention without trial constitutes a fundamental human rights violation.

SUHAKAM calls on the authorities to release the seven detainees immediately. If they have committed any offence, they should be charged and tried in an open court.

While SUHAKAM recognizes that the Government has, over the years, released many of those detained under the ISA, the present crackdown is cause for concern.


We strongly urge the authorities to allow families, lawyers and doctors immediate access to the detainees.

As a national human rights institution, SUHAKAM in accordance with section 4(2) (c) and (d) of the Human Rights Commission of Malaysia Act, 1999, will seek access to the detainees in order to monitor their mental, physical and general well-being.

In its current exercise of reviewing Malaysian laws that constitute infringements of human rights, in accordance with section 4(1)(b) of the same Act, SUHAKAM will make recommendations to the Government on the necessity of amending or repealing the Internal Security Act.

384

By authority of SUHAKAM



Kamaruddin Mohamed Baria
Secretary

Kuala Lumpur
11 April 2001